

20 AUG 2002

Merdeka-Agama (Bergambar)

ACARA KEAGAMAAN BULAN KEMERDEKAAN DIADAKAN MINGGU AKHIR OGOS

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Program keagamaan yang dianjurkan sempena Bulan Kemerdekaan yang melibatkan penganut semua agama di negara ini akan dilaksanakan pada minggu terakhir bulan ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata program keagamaan itu adalah sebagai salah satu cara untuk menzahirkan rasa syukur kepada Tuhan kerana rakyat Malaysia dikurniakan dengan keadaan aman dan damai.

Beliau berkata program oleh penganut agama Islam akan dilaksanakan pada hari Jumaat, 30 Ogos, sehari menjelang tarikh kemerdekaan pada 31 Ogos.

Bersempena dengan acara itu khutbah Jumaat dan doa selamat khas kemerdekaan akan diedarkan ke semua masjid, katanya pada persidangan media hari ini.

Teks tersebut disediakan dengan kerjasama antara Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian, Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menyertai jemaah lain untuk menunaikan solat Jumaat di Masjid Negara pada hari itu.

Abdul Kadir berkata Kelantan dan Terengganu yang di bawah pemerintahan PAS juga bersetuju untuk menyambut program keagamaan sempena Bulan Kemerdekaan itu.

Beliau berkata program keagamaan itu akan dimulakan pada 24 Ogos oleh penganut agama Buddha yang akan berlangsung dari pukul 6.30 petang hingga 7 pagi keesokannya.

Acara itu akan diadakan di Buddhist Vihara, Jalan Berhala, Brickfields.

Ini akan diikuti program keagamaan bagi penganut agama Sikh dan Taoist pada 25 Ogos, penganut Kristian pada 25 dan 28 Ogos, dan seterusnya penganut Hindu dan Islam pada 30 Ogos.

-- BERNAMA

LIB MFJ NMO